

## TEORI BERKAITAN GAYA PEMBELAJARAN DAN KAEDAH PENGAJARAN

Azizi Bin Yahaya & Syazwani Binti Abdul Razak  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

### **Abstrak**

Gaya pembelajaran terdiri daripada empat lapis iaitu model sahsiah, model pemprosesan maklumat, model interaksi sosial dan model medium pembelajaran yang disukai. Kaedah pengajaran ialah satu siri tindakan guru yang sistematik untuk mencapai objektif pengajaran dalam jangka pendek. Sesuatu kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran adalah berkaitan dengan pendekatan dan teori tertentu.

*Katakunci:* gaya pembelajaran, kaedah pengajaran

### **Pengenalan**

Di dalam masyarakat moden, proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan dengan cara yang lebih sistematik terutamanya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Tanpa proses pengajaran yang sistematik, pengajaran dan pembelajaran berkesan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Menurut Khalid (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum.

#### **1. Teori Gaya Pembelajaran**

##### **a) Model Sahsiah**

Model sahsiah menerangkan bagaimana pelajar berinteraksi di bilik kuliah. Model ini menilai pengaruh sahsiah dalam pendekatan untuk mendapatkan maklumat dan menggunakan maklumat tersebut.

###### **i. Model Myers-Briggs Type Indicator (MBTI)**

Model ini dikenali ramai untuk mengukur sahsiah, yang dipelopori Isabel Myers dan Katherine Briggs. Sempena dengan nama mereka inventori ini dinamakan Myers-Briggs Type Indicator (Myers 1978) berdasarkan teori jenis psikologi Carl Jung, yang menghuraikan empat pasangan kategori sahsiah untuk memerihal pelajar, iaitu extraversion-introversion, sensing-intuition, thinking-feeling, dan judging-perceiving (Hatcher 1999). Setiap jenis sahsiah ini mempunyai orientasi berlainan dalam mempengaruhi kebolehan dalam pembelajaran dan cara menjalankan tugas pembelajaran.

###### **ii. Model Herman Witkin *Field Independence-Dependence***

Inventori Herman Witkin (*Field Independence-Dependence*) merupakan indikator gaya kognitif yang paling terkenal ketika itu. Dalam teori di sebalik indicator ini, pelajar yang bersifat bergantung kepada orang lain, lebih memerlukan bimbingan guru dan juga sokongan rakan sebaya. Manakala pelajar yang berdikari, lebih cenderung memiliki sifat analitikal dan kurang menghiraukan tekanan rakan sebaya atau pun arahan semasa pengajaran. Untuk merumuskan model ini, Witkin (CTL *Learning Styles Site* 1999) mengenal pasti bahawa kebolehan pelajar untuk menghalusi perkara-perkara secara terperinci

daripada konteks pengetahuan, merupakan indikator penting tentang bagaimana pelajar itu mendekati dan mentafsir kehidupan harian.

### **b) Model Pemprosesan Maklumat**

Model pemprosesan maklumat ialah pendekatan intelek yang diberi keutamaan oleh individu untuk percambahan maklumat. Kategori model gaya pembelajaran ini menghuraikan proses bagaimana maklumat diperoleh, disusun, disimpan dan digunakan.

#### i. **Model Kolb “Learning Style Inventory”**

Model ini menekankan kepada bagaimana individu menanggap atau mengamati dalam proses pembelajaran. Ia juga menekankan kepada bagaimana maklumat itu diproses. LSI terdiri daripada tret kognitif, yang dikelaskan sebagai gaya pembelajaran kerana diterbitkan daripada teori pembelajaran.

#### ii. **Model Gaya Pembelajaran Felder**

Model *Index of Learning Style Questionnaire* Felder dan Solomon (1970) mengenal pasti empat dimensi gaya pembelajaran yang diterbitkan daripada *Index of Learning Style Questionnaire*. Empat dimensi itu ialah input (visual atau verbal), pemprosesan (aktif atau reflektif), pengamatan (kepekaan atau intuisi) dan kefahaman (sequential atau global).

### **c) Model Interaksi Sosial**

Model interaksi sosial menjelaskan bagaimana pelajar bertingkah laku dalam bilik kuliah. Di antara model-modelnya adalah Grasha dan Reichmann (1974), Perry dan Belenky dan Magolda (O'Connor 1999). Perry menunjukkan bagaimana pelajar kolej/universiti maju melalui kematangan intelek yang berlainan. Belenky pula mengkaji wanita yang memilih pendekatan gaya pembelajaran dari aspek sosial. Magolda menghuraikan strategi epistemologi yang digunakan pelajar adalah berbeza, berdasarkan gabungan model Perry dan Belenky (CTL Learning Styles Site 1999). Inventori Grasha dan Reichmann bertujuan untuk memberi tumpuan kepada cara pelajar berinteraksi dengan pensyarah dan rakan dalam suasana pembelajaran.

### **d) Model Medium Pembelajaran Yang Disukai**

Model ini menumpukan kepada medium pembelajaran yang dipilih pelajar. Model ini digunakan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang dominan.

#### i. **Model VAK**

Gaya VAK mengandungi tiga aspek, iaitu gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik.

##### **✓ Gaya Pembelajaran Visual**

Dalam gaya pembelajaran ini, murid belajar lebih baik dengan melihat sesuatu teks berbentuk perkataan dalam buku, di papan hitam atau paparan komputer. Mereka lebih mengingati dan memahami arahan dan penerangan menerusi pembacaan ayat atau teks berkenaan.

✓ **Gaya Pembelajaran Auditori**

Dalam gaya pembelajaran ini, murid “auditori” belajar dengan mendengar perkataan yang disebut dan juga arahan lisan. Mereka boleh mengingati penerangan melalui bacaan kuat atau menggerakkan bibir ketika membaca terutama apabila mempelajari sesuatu yang baru. Murid dapat mengukuhkan ingatan dengan mendengar semula rakaman pita audio, mengajar murid lain dan berbincang dengan guru (Murdoch Teacher Center, 1984).

✓ **Gaya Pembelajaran Kinestetik**

Dalam gaya pembelajaran ini, murid “kinestetik” belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah. Mereka dapat mengingati sesuatu dengan baik apabila mencuba terus aktiviti melalui *hands-on*. (Murdoch Teacher Center, 1984).

**ii. Model Dunn dan Dunn**

Terdapat dua inventori yang menggunakan model ini, iaitu Inventori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) dan *Productivity Environmental Preference Survey* (Dunn, Dunn & Price 1982). Inventori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) digunakan untuk mengaplikasikan gaya pembelajaran dalam proses kaunseling, kerana ia adalah model pelbagai dimensi yang boleh dipercayai dan mempunyai kesahan dan juga asas penyelidikan yang kukuh.

Inventori *Productivity Environmental Preference Survey* (Dunn, Dunn & Price 1982) digunakan untuk orang dewasa, yang terdiri daripada 100 item, bertujuan untuk mengenal pasti kesukaan orang dewasa individu tentang suasana kerja dan persekitaran pembelajaran. Gaya pembelajaran jenis ini direka khusus untuk kegunaan kaunseling.

**iii. Canfield Learning Style Inventory**

Inventori gaya pembelajaran Canfield (CLSI) merupakan satu inventori yang dikupas daripada hasil kerja Joseph Hill, yang menumpukan kepada dimensi sikap dan afektif dan bukannya kognitif (Claxton & Murrell 1987). CLSI menilai pembelajaran yang lebih digemari. Inventori ini mengandungi 30 item yang menentukan gaya pembelajaran yang lebih digemari dan jawapan setiap item berdasarkan empat pemilihan. Empat kategori yang diuji ialah syarat (conditions), kandungan (content), mod (mode) dan jangkaan (expectancy). Markat bagi setiap kategori boleh ditafsirkan berdasarkan kriteria; rakan sebaya, organisasi, menentukan matlamat (goal setting), saingan (competition), pengajar (instructor), terperinci (detail), bebas (independence), autoriti, numerik, kualitatif, tidak bergerak (inanimate), people, listening, reading, pengalaman langsung dan jangkaan.

**2. Teori Kaedah Pengajaran**

Child (1983) menekankan bahawa sistem pendidikan harus disediakan untuk memenuhi keperluan individu. Model pengajaran ini menekankan bahawa pengajar mempunyai peranan yang berbeza, iaitu pengajar sebagai pengurus perubahan. Pengajar dalam model ini, perlu mengubah kaedah pengajaran supaya sesuai dengan setiap pelajar. Masalah yang timbul untuk menjayakan kaedah ini ialah saiz kelas yang besar dan kekurangan kemudahan untuk pengajaran secara individu. Ini meliputi kemudahan komputer mikro dan buku teks serta penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka.

Selain itu penekanan pembelajaran diberikan kepada kemahiran mengambil cara dan teknik menjawab soalan peperiksaan. Menurut Selmes (1987), cara ini sering menggambarkan bagaimana pelajar mempelajari sesuatu mata pelajaran.

## Rujukan

- Child, Dennis. (1983). *Applications of Psychology for The Teacher*. London : Cassell Educational.
- Felder, R.M. & Solomon, B.A. (1970). Index of Learning Styles. (atas talian)  
<http://www2.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/ILSdir/styles.html>
- Grasha, A.F & Reichmann, S.W. (1974). *A Rational Approach to Developing and Assessing the Construct Validity of a Student Learning Style Scale Instrument*. Journal of Psychology 87:213-223.
- Hatcher, J. (1999). On-line and off-line survey instrument: Motivation, Cognitive Styles and Learning Styles.
- Khalid Mohd. Nor ( 1993 ). Kaedah Pembelajaran Berkesan . Kuala Lumpur : Cahaya Pantai ( M ) Sdn. Bhd.
- Murdoch Teacher Center (1984). Pengurusan Masa dan Gaya Pembelajaran. Wichita: Kansas.  
[http://myschoolnet.ppk.kpm.my/bhn\\_pnp/modul/bcb9.pdf](http://myschoolnet.ppk.kpm.my/bhn_pnp/modul/bcb9.pdf)
- Myers, I. (1978). Myers-Briggs Type Indicator. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Selmes, I.P (1987). *Improving Study Skills*. London : Holder and Stoughton.